

PEMBENTUKAN MODAL INSAN MELALUI KURSUS PENGAJIAN UMUM DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN POLITEKNIK

Prof Madya Dr Nik Mohd Rahimi bin Nik Yusoff ^{*1}, Dr Mohd Isa bin Hamzah^{*2}, Asnuurien Najma binti Ahmad^{*3}

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor.

Abstrak

Globalisasi, masyarakat ketika ini berhadapan dengan suasana yang penuh dengan kemelut keruntuhan akhlak yang sangat membimbangkan dan kebolehpasaran graduan yang kurang memberangsangkan. Hal ini tentunya mengundang rasa rungsing dan gusar dalam kalangan pemimpin negara terutamanya dalam mencapai taraf negara berdaya maju dan saing tercapai. Perbincangan mengenai modal insan atau (Human Capital) bukanlah satu perkara baharu dalam dunia pendidikan. Setiap daripada kita tentunya mempunyai persepsi atau pandangan yang berbeza mengenai modal insan. Dalam kertas kerja ini akan membincangkan tentang persoalan membentuk modal insan melalui sistem pendidikan dan kurikulum pengajian umum. Perkara lain yang ingin dibincangkan adalah mengenai komponen umum kurikulum umum di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta keupayaannya dalam menyumbang kepada pembentukan modal insan yang bersepadu bagi meneruskan kelangsungan ekonomi dan kejayaan negara. Modal insan adalah satu pelaburan yang penting dalam konteks pembinaan negara yang akan diterangkan dari sudut kesihatan, pendidikan, IPTA, sosial dan moral dan akhlak pelajar. Kursus-kursus yang ditawarkan dalam politeknik ini adalah kursus wajib yang menjadi syarat graduasi bagi semua pelajar peringkat diploma. Kursus-kursus pengajian umum ini merupakan pelengkap kepada pembinaan modal insan yang unggul serta digubal khusus untuk melahirkan seorang muslim atau insan yang baik dan memiliki ciri-ciri modal insan yang diperlukan untuk mencapai status negara maju dan berdaya saing.

Kata kunci: kurikulum, modal insan (human capital), kursus pengajian umum, Institut Pengajian Tinggi Awam, politeknik

I. Pendahuluan

Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memainkan peranan yang amat penting dalam usaha melahirkan bakal-bakal pemimpin yang mampu memberikan pimpinan baharu yang berkualiti bagi memastikan keharmonian, keamanan dan pembangunan negara terus dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Oleh hal yang demikian, peranan IPTA dan politeknik dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dan dinamik tidak boleh dipandang ringan oleh mana-mana pihak. Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha mengubah lanskap Malaysia menjadi sebuah negara berdaya maju dan berdaya saing serta mempunyai rakyat yang berfikiran inovatif.

Usaha dan kerjasama semua pihak dalam merealisasikan hasrat melahirkan warganegara yang tinggi patriotismenya, berdaya saing dan maju amat diperlukan. Pembinaan modal insan untuk membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan amat diperlukan dalam menghadapi cabaran semasa. Modal insan menjadi fokus dan agenda utama kepimpinan negara untuk direalisasikan oleh semua pihak termasuk IPTA agar acuan dan formula negara maju yang ingin dicapai adalah negara yang makmur dan direcai Allah SWT.

Menyedari bahawa pembangunan sumber manusia atau modal insan (human capital) adalah asset yang penting dalam membangunkan negara dan sejajar dengan teras kedua misi nasional 2006-2020 iaitu membangunkan modal insan negara. Oleh itu, IPTA tempatan telah menyediakan kursus-kursus pelengkap yang mempunyai unsur-unsur pengajian umum kepada kursus teras dalam kurikulum setiap program yang ditawarkan khususnya di politeknik Malaysia. Dalam hal ini, Pelan Integriti Nasional (PIN) menggariskan:

"Kecemerlangan pelajar hari ini tidak hanya tertumpu kepada pencapaian kecemerlangan dalam akademik sahaja. Oleh itu, kecemerlangan pelajar perlu diukur pada daya kualiti diri khususnya bagaimana ia dapat menampilkan diri sebagai pemimpin pada masa akan datang. Kualiti kepimpinan perlu merangkumi aspek kecemerlangan akademik dan juga keunggulan sahsiah pelajar.

* Corresponding authors

¹Tel: +603-89216282, Faks: +603 89254372, H/P: +6019 2629137

²Tel: +60389216298, Faks: +603 89254372, H/P: +6019 3372790

³Tel: +603 89216231, Faks: +603 89254372, H/P: +6011 32156797

E-mail address: ¹nik@ukm.edu.my, ²isa_hamzah@ukm.edu.my, ³asrien79@yahoo.com

Keunggulan sahsiah pelajar perlu diberikan perhatian bagi membolehkan mereka menggembungkan keintelektualan yang mereka miliki. Dengan penggabungan antara keintelektualan dan keunggulan sahsiah, negara akan memperoleh bakal pemimpin yang dinamik dan berintegriti. Integriti individu adalah keselarasan antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang dikotakannya; keselarasan antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan kepentingan diri dengan kepentingan umum. Apa yang dilakukan individu itu pula cepat, tepat dan bermutu. Apabila dia bertindak atau bertingkah laku demikian secara konsisten dalam pelbagai segi, dia dikatakan mempunyai integriti. Apabila bertindak sebaliknya, dikatakan tidak berintegriti atau lemah integriti. (Pelan Integriti Nasional, 2004)''.

Oleh itu, IPTA memainkan peranan penting dalam pembinaan insan yang beretika dan bertanggungjawab, selain berperanan menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran, komited dan cekap dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Kursus-kursus pelengkap yang dikendalikan oleh IPTA dikenali sebagai kursus umum atau nama lain seperti kursus wajib universiti, kursus asas major, kursus wajib fakulti, dan kursus wajib politeknik. Secara umumnya, kursus ini tergolong dalam kelompok bidang pengajian umum yang menekankan kepada pengetahuan am terkini dan harmonis dari segi kognitifnya, efektif, jasmani, rohani dan sosial pelajar dan secara tidak langsung akan dapat melahirkan generasi mahasiswa yang mahir dalam kerjaya pada masa yang sama memahami dan menghayati aspirasi negara (Lembaga Akreditasi Negara, 1998)

2. Pembentukan Modal Insan

Pembangunan modal insan (PMI) atau sebelum ini lebih dikenali dengan nama sumber manusia adalah satu perkara yang diberi penekanan oleh pihak kerajaan dan Rancangan Malaysia ke-9 yang menjadi satu keperluan masa kini dalam konteks ekonomi berasaskan pengetahuan manusia yang mempunyai segala potensi dalam dirinya sebagai aset yang perlu dikembangkan dan digerakkan untuk mencapai segala matlamat yang diinginkan. Perkataan modal insan sebenarnya telah lama diguna pakai dalam konteks negara kita. Namun, istilah ini membawa maksud yang berbeza dari satu bidang kepada bidang yang lain.

Siti Rashidah Abdul Razak et al, (2008) menjelaskan modal insan menurut ahli akademik ianya adalah perspektif seseorang warganegara yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengisi keperluan Wawasan 2020, mempunyai fikiran yang kreatif dan kritis, mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah, berkeupayaan dalam mencipta peluang-peluang baharu, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah. Modal insan adalah ditafsirkan sebagai aset bagi menyumbang kepada pembangunan negara atau tenaga kerja jika dilihat dalam dunia ekonomi.

Sementara menurut agamawan pula, modal insan adalah merujuk kepada seseorang manusia yang mempunyai ciri-ciri mulia serta mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang bersifat holistik (bersepadu) antara dunia dan akhirat. Modal insan membawa konotasi ekonomi yang komprehensif iaitu suatu bentuk pelaburan oleh sesebuah organisasi atau negara terhadap pekerja dalam jangka pendek atau panjang menerusi pelbagai skim galakan pembelajaran dan latihan. Pelaburan ini dibiayai oleh organisasi atau negara menerusi pelbagai skim pembelajaran, latihan dan kemudahan kesihatan dan kesan akhirnya kepada pekerja itu sendiri akan menjadi lebih efektif dan efisien dan merupakan suatu bentuk pelaburan yang dijangkakan akan mendatangkan keuntungan ekonomi pada masa depan.

Hal ini kerana daripada pelaburan ini, manusia akan memperoleh pengetahuan baharu, idea-idea baharu, sikap dan kemahiran yang baharu. Seterusnya, akan berlakunya pelbagai inovasi dan pembaharuan dalam organisasi yang pada akhirnya akan memberi pulangan ekonomi yang berpanjangan. (Mohd. Azhar et al., 2006). Justeru itu, kebanyakan sarjana dalam bidang pengurusan terdahulu, istilah modal insan merujuk kepada elemen sangat penting yang menentukan kejayaan dan produktiviti organisasi iaitu sumber tenaga (fizikal) manusia (Arthur, 2006). Kesedaran masyarakat tentang peri pentingnya pembangunan modal insan memberi implikasi kepada usaha mempergiatkan lagi sistem pendidikan. Ini adalah kerana, pendidikan merupakan alat terpenting untuk memperkembang dan membangunkan potensi manusia dan seterusnya menghasilkan modal insan yang memenuhi ciri-ciri nilai Islam dan meningkatkan peradaban ummah.

Justeru, dalam menuju pembangunan sektor pendidikan ke arah yang lebih global dengan mengikut acuan Malaysia, tidak dapat dinafikan peranan pendidik sangat penting sebagai agen yang boleh membawa perubahan positif kepada pembangunan modal insan khususnya para pelajar. Pembangunan modal insan bermula dengan pendidikan yang disalurkan kepada para pelajar diharapkan dapat membentuk mereka untuk menguasai ilmu pengetahuan ke arah menjadi individu yang berkualiti dan seimbang dalam pelbagai aspek.

3. Takrifan Kurikulum Pengajian Umum

Kurikulum adalah daripada kata 'curere' iaitu dari bahasa Latin yang bermaksud "lalu" dan dalam bahasa Inggeris pula bermaksud "jelmaan" atau "metamorphosis". Daripada kedua-dua perkataan ini, menghasilkan makna kurikulum ialah "lalu dari satu peringkat ke satu peringkat" (Mohd Daud, 1993). Manakala 'curriculum' dalam bahasa Latin adalah 'ruang tempat pembelajaran berlaku' (Sharifah Alwiah, 1986) sementara Bantoch, G.H (1980) menyatakan kurikulum adalah berasal dari bahasa Latin yang bermaksud "larian atau perlumbaan". Sementara dalam bahasa Arab kurikulum disebut sebagai 'manhaj' yang bererti jalan yang terang, yang dilalui oleh manusia dalam pelbagai bidang kehidupan.

Schubert (1986) pula menjelaskan kurikulum tidak akan lengkap jika salah satu daripada imej yang berkaitan ditinggalkan. Menurutnya lagi, kurikulum mengandungi beberapa imej iaitu :

- Kurikulum adalah kandungan atau mata pelajaran.
- Kurikulum mengandungi satu program aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.
- Kurikulum mengandungi hasil pembelajaran yang ingin dicapai.
- Kurikulum adalah penghasilan budaya.
- Kurikulum mengandungi pengalaman.
- Kurikulum mengandungi tugas-tugas dan konsep yang perlu dipelajari.
- Kurikulum adalah satu agenda untuk merombak sosial.

Selain itu, kurikulum boleh difahami sebagai pengkhususan tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang ingin dipelajari; mata pelajaran yang terpilih atau kandungan yang dapat memberikan pengalaman bagi mempelajari sesuatu, bentuk atau struktur yang digunakan untuk mendapatkan hasil yang khusus bagi pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelbagai jenis, satu proses yang dapat mencapai pembelajaran, bahan-bahan yang digunakan bagi mencapai proses pembelajaran; strategi bagi penilaian untuk mengenal pasti sama ada ia merupakan kemahiran, sikap, sifat dan pengetahuan mengambil tempat sebagai hasil daripada proses tersebut dan tindak balas yang memudahkan.

IPTA di Malaysia boleh dikatakan semua menawarkan kursus-kursus yang bersifat umum atau dikenali sebagai kursus umum (dalam bahasa Inggeris dirujuk sebagai general studies). Begitu juga di Politeknik Malaysia yang menawarkan kursus pengajian umum di mana yang mengendalikan pelaksanaan kursus ini adalah Jabatan Pengajian Am. Pengajian umum adalah satu program pendidikan prasiswazah yang bertujuan membekalkan pelajar-pelajar dengan ilmu persediaan untuk hidup dalam masyarakat moden. Ilmu tersebut meliputi kefahaman tentang nilai-nilai mulia, sejarah dan tanggungjawab dalam masyarakat, penguasaan kemahiran insaniah, perluasan ilmu berteraskan Malaysia dan berupaya mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian. Pelajar di IPT memerlukan beberapa keterampilan intelektual yang membolehkannya mengambil bahagian secara berkesan dalam masyarakat. Pengajian umum bertujuan menyediakan pelajar dengan keterampilan yang tertentu.

Di samping memperoleh pendedahan kepada ciri-ciri keterampilan intelektual, kursus pengajian umum juga menjadi kursus pelengkap kepada kursus-kursus yang ditawarkan dalam program pengkhususan pelajar. Antara tujuan MPU diperkenalkan adalah untuk menyelaras Mata Pelajaran Wajib kepada Mata Pelajaran Pengajian Umum di IPT, sebagai asas pembinaan negara bangsa, alat untuk menguasai Kemahiran Insaniah, langkah pengukuhan dan peluasan pengetahuan di Malaysia dan kaedah untuk mengaplikasikan kemahiran insaniah dalam diri pelajar (Jabatan Pengajian Tinggi, 2013).

4. Tinjauan Kurikulum Pengajian Umum di Beberapa IPTA

Menurut Pekeliling Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) bertarikh 20 Oktober 1999, terdapat pembahagian yang jelas antara komponen dalam sesebuah kurikulum. Berdasarkan kepada senario pendidikan di Malaysia ini, setiap IPTA lazimnya memiliki satu set kursus umum yang telah dikenal pasti untuk ditawarkan kepada pelajarnya serta pendedahan kepada mereka mengenai pengetahuan di luar bidang tumpuan sesuatu program akademik yang diikuti. Hal ini adalah untuk membolehkan para graduan mempunyai kebolehan pasaran kerja dan kebolehan yang lebih versatil dan mampu menghadapi pelbagai keadaan baharu sesudah keluar daripada alam pembelajaran masing-masing.

Dalam erti kata lain, kursus-kursus umum yang ditawarkan di IPTA kepada para pelajarnya sedikit sebanyak dapat mencairkan bidang-bidang khusus pembelajaran yang diikuti oleh para pelajar ini. Ini menunjukkan keselarasan dengan hasrat negara bagi melahirkan para graduan yang memiliki pelbagai kebolehan dan kepakaran serta dapat memperluas pemikirannya. Terdapat juga sesetengah IPTA yang menubuhkan jabatan atau unit untuk mengendalikan kursus-kursus dalam kategori pengajian umum ini. Secara umumnya, boleh juga dikatakan semua IPTA di Malaysia ada menawarkan

kursus-kursus pengajian umum initepasi yang menjadi perbezaannya adalah dari segi jenis dan cara penawarannya yang banyak tertakluk kepada falsafah dan landasan kurikulum yang diguna pakai oleh IPT tersebut.

Bagi IPTA yang mahu menjadikan pelajarinya memiliki perspektif yang luas dan berdaya saing tentang kemahiran dan pengetahuan, maka orientasi penawaran kursus umum ini adalah lebih menjurus kepada memberikan pendedahan mengenai epistemologi yang membolehkan seseorang pelajar menanggapi dan memahami asas-asas penting tentang ilmu serta peranannya dalam kehidupan mereka kelak. Sebagai contoh, di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengendalikan kursus pengajian umum dapat difahami sebagai pengajian yang diperlukan oleh pelajar bagi melengkapkan dirinya sebagai seorang graduan yang holistik, berkebolehan memahami persekitaran sosial dan budayanya serta mampu berperanan dalam masyarakat sebagai seorang warganegara yang baik.

Dalam konteks pengajian umum IPTA khususnya, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa perlunya saling perkaitan antara pengintergrasian ilmu selain bidang pengkhususan yang mereka ceburi di mana ianya dapat memupuk intelek dan mengelakkan pembangunan insan yang tidak seimbang berlaku. Pengajian umum di IPTA seharusnya dilihat kepada aspek yang lebih luas dengan maksud memupuk para pelajar mempunyai pemikiran yang rasional dan berfikir kritis supaya segala permasalahan dalam kehidupan dapat diselesaikan secara waras dan rasional.

Kajian Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia (2006) menjelaskan bahawa penuntut IPTA masih lagi terdedah dengan gejala dan pemberian rasuah dan keadaan ini mempengaruhi mereka apabila mereka terlibat dalam pasaran kerja kelak. Oleh itu, perlu ada usaha yang jitu dan berfokus dilaksanakan melalui kurikulum iaitu perlu sentiasa menyemak semula kurikulum agar dikemaskini dan menyatupadukannya dengan perkembangan semasa.

Dalam hal ini, kurikulum pengajian umum seharusnya dapat membangunkan pemikiran termasuk minda dan personaliti pelajar secara menyeluruh. Ini membuktikan bahawa kecemerlangan akademik bukanlah semata-mata untuk mendapatkan segulung ijazah dan sekadar memberikan kemahiran-kemahiran khusus untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan tetapi sebenarnya membina insan yang seimbang dan menyeluruh serta mempunyai kemahiran soft skills kerana tujuan pendidikan itu sendiri adalah untuk mengajar sepenuhnya erti sebenar pembangunan manusia. (Siti Rashidah Abdul Razak, etc 2008).

5. Kursus Pengajian Umum Berteraskan Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Politeknik Malaysia

Perubahan kurikulum yang dilaksanakan pada peringkat mikro secara umumnya agak mencabar komitmen pensyarah terutama berkaitan amalan sedia ada yang dilaksanakan oleh para pensyarah selama ini. Penawaran dan permintaan dalam institusi pendidikan dewasa ini agak berbeza daripada apa yang disediakan pada zaman sebelum ini dan ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan sama ada di peringkat sekolah mahupun IPT perlulah membangunkan modal insan dan pembangunan manusia. Perkara ini dapat dibuktikan dengan statistik kadar pengangguran dalam kalangan graduan IPTA yang tidak jauh berubah. Mengikut kenyataan yang dikeluarkan oleh Penasihat Khas, Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Dato' Rahmah Abu Kassim, kadar pengangguran dalam kalangan siswazah pada tahun 2000 hingga pertengahan tahun 2004 mencatatkan sebanyak 66,300 bagi graduan peringkat siswazah, 41,600 lepasan diploma dan 24,800 bagi lepasan ijazah (Putra Online).

Seiring dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah mencadangkan kepada semua universiti tempatan agar merombak kurikulum masing-masing bagi setiap tiga sekali dengan memberi penekanan kepada pembangunan modal insan secara menyeluruh (Berita Harian, 12 Jun 2007). Antara institusi pengajian yang mengalami transformasi adalah politeknik. Kursus Pengajian Umum berteraskan Pendidikan Islam yang ditawarkan di politeknik adalah sebahagian daripada kandungan kursus mata pelajaran wajib bagi semua pelajar muslim sebagai prasyarat penganugerahan diploma pada peringkat semua Politeknik Malaysia. Tujuannya adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri muslim dan mampu menghadapi pelbagai cabaran hidup serta membentuk sikap positif dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara (Ahmad Mohd Salleh, 1986).

Kini, terdapat 32 buah politeknik di seluruh negara iaitu tiga politeknik premier, 27 politeknik konvensional dan lima politeknik metro. Kesemua politeknik tersebut menawarkan kursus-kursus seperti Pendidikan Islam, Sains Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam, Pengurusan Dalam Islam, Hospitaliti dan Pelancongan Dalam Islam, Seni Dalam Islam dan Tamadun Islam. Seiring dengan visi dan misi Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum (SPPK) di mana merupakan penggerak utama kecemerlangan kurikulum kursus pengajian umum dan program latihan Politeknik serta komited untuk membangunkan kurikulum yang berkualiti bagi melahirkan tenaga kerja separa profesional yang kompeten, kurikulum pengajian umum Politeknik dibangunkan untuk menjadikan politeknik sebagai satu institusi yang berkesan bagi mencapai hasrat negara untuk membentuk modal insan yang menyeluruh dan bersepadu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Yusni Mohamad Yusak, 2013).

6. Kurikulum Kursus Pengajian Umum Politeknik

Struktur Kursus Pengajian Umum Politeknik telah digubal dan dikemaskini oleh SPPK, Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) di mana kandungan sukatan mata pelajarannya disediakan bersesuaian dengan pencapaian akademik pelajar di peringkat diploma dengan memberi penekanan kepada konsep ilmu dan tasawur Islam meliputi aqidah, syariah dan akhlak. Kursus Pengajian Umum Politeknik ini memberi panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab kepada Allah, manusia dan alam. Selain itu, ianya turut memfokuskan kepada bidang pengkhususan pelajar di politeknik dengan menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan program pengajian Diploma di Politeknik seperti Sains Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam, Pengurusan Dalam Islam, Hospitaliti dan Pelancongan Dalam Islam, Seni Dalam Islam dan Tamadun Islam (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012).

Kursus Pengajian Umum Politeknik menonjolkan kurikulum baharu Pendidikan Islam dengan menambah kandungan yang lebih relevan dengan suasana semasa, pelarasan dan penjajaran kursus dengan versi kurikulum sebelumnya dan pementapan daripada aspek penilaian (Yusni, 2013). Kurikulum Pengajian Umum yang digubal adalah berpandukan kepada pelaksanaan sistem pembelajaran berasaskan Outcomes Based Education (OBE). Menurut Spady, (1994) OBE ialah "comprehensive approach to organizing and operating an education system that is focused on and defined by the successful demonstrations of learning sought from each student". Asas utama OBE adalah pernyataan tentang objektif dan hasil program yang jelas dan difahami oleh semua pihak termasuk pensyarah dan pelajar.

Struktur pembelajaran dan kurikulum yang direka bentuk ini adalah satu kaedah untuk mencapai matlamat sendiri. Jika kurikulum yang dihasilkan itu terbukti gagal untuk mencapai hasil yang ditetapkan ianya akan dibaiki dan ditukar ganti iaitu melalui pembudayaan Continuous Quality Improvement (CQI) atau peningkatan kualiti berterusan. Berdasarkan Kursus Pengajian Umum Politeknik yang dikaji dalam kajian ini, strukturnya direka berasaskan kaedah OBE yang menepati beberapa cirinya iaitu:

- Kurikulum Kursus Pengajian Umum Politeknik merangkumi beberapa kursus dan kandungan dalam pembelajaran dalam kalangan pelajar.
- Kurikulum Kursus Pengajian Umum Politeknik mengandungi satu gambaran yang jelas mengenai apa yang perlu dilakukan oleh seseorang pelajar.
- Kurikulum Kursus Pengajian Umum Politeknik jelas menyatakan hasil pembelajaran yang perlu dicapai mengikut standard yang telah ditetapkan.
- Pembentukan Kursus Pengajian Umum Politeknik dimulai dengan pengenalan yang jelas mengenai hasil yang akan dicapai oleh pelajar pada akhir program.

Pada dasarnya, objektif dan hasil sesuatu program pengajian itu adalah pernyataan matlamat (tujuan) jangka panjang dan matlamat jangka pendek program tersebut. Pernyataan tersebut dihasilkan melalui Course Learning Outcomes (CLO) dan Programme Learning Outcomes (PLO) di mana perkara ini mesti dihayati dan difahami oleh pelajar yang melalui program pengajian tersebut, khususnya CLO yang ditetapkan. Gabungan hasil pencapaian CLO bagi Kursus Pengajian Umum Politeknik dan PLO bagi Kursus Teknikal dan bukan Teknikal ini dapat menyumbang terhadap proses penerapan kemahiran insaniah secara formal dan bersistematik dalam usaha melahirkan modal insan yang unggul.

Hasil pencapaian PLO adalah bertepatan sebagaimana yang digariskan oleh pihak Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap kemahiran insaniah atau Generic Students Attributes dan pembangunan modal insan di Institusi Pengajian Tinggi merangkumi ciri-ciri berikut; kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran professional dan moral serta kemahiran kepimpinan.

Bagi memastikan proses PdP pensyarah sentiasa mengikut standard yang ditetapkan oleh Malaysia Qualifications Agency (MQA), setiap pensyarah akan dipantau melalui proses pencerapan PdP oleh ketua jabatan dan ketua unit serta penilaian PdP oleh pelajar pada setiap semester bagi memastikan kelancaran proses PdP. Untuk memantapkan lagi sahsiah para pelajar, aktiviti pengajaran dan pembelajaran turut dilaksanakan di luar bilik kuliah. Antara aktiviti yang telah dijalankan seperti Lawatan Sambil Belajar, Kursus Pra Perkahwinan dan Kekeluargaan Islam, Program Khidmat Masyarakat, Kursus Sembelihan, Program Bimbingan Rakan Siswa serta Kursus Pengurusan Jenazah.

7. Matlamat Kursus Pengajian Umum Di IPT Dan Politeknik

7.1. Matlamat Kursus Pengajian Umum Di Institusi Pengajian Tinggi Awam

Matlamat atau tujuan utama kursus pengajian umum dilaksanakan di IPTA adalah untuk menyelaraskan Mata Pelajaran Wajib (MPW) kepada Mata Pelajaran Umum di semua IPTA, pembinaan negara bangsa, penguasaan dan perluasan Kemahiran Insaniah, pengukuhan dan perluasana pengetahuan elemen ke-Malaysiaan dan pengaplikasian Kemahiran Insaniah dalam diri pelajar.

Kursus ini juga dapat membina insan bertaqwa, beretika, berintegriti dan berakauntabiliti. Kepimpinan yang berintegriti merupakan tonggak utama kepada kestabilan sesebuah negara. Unsur-unsur keimanan, ketaqwaan, etika, integriti dan sikap bertanggungjawab ini dapat diterapkan melalui penawaran kursus-kursus dan penganjuran program-program yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran.

Selain itu, kursus pengajian umum adalah untuk membina insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan melalui pemantapan pembangunan sahsiah pelajar IPTA di mana aspek ini dapat menggembeleng dan menjana pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang dimiliki ke arah membina kepimpinan yang berkesan. Program-program seperti kemahiran berkomunikasi interpersonal, penjaanaan pemikiran kreatif dan kritis, kemahiran pengucapan awam, kemahiran pengurusan konflik dan stress dan kemahiran merancang dan membuat keputusan dapat membentuk dan meningkatkan daya kepimpinan dalam kalangan para pelajar.

Program-program yang formal dan berstruktur seperti penawaran kursus TITAS, Hubungan Etnik, penganjuran kempen budi bahasa, meningkatkan kefahaman agama dan program integrasi kaum dapat memantapkan hubungan kaum atau etnik dan juga membina persefahaman agama dalam kalangan pelajar. Secara tidak langsung dapat menggambarkan corak hubungan etnik dan persefahaman agama seperti mana yang berlaku di luar kampus.

Pembangunan pelajar tidak lengkap sekiranya elemen kemahiran insaniah (soft skills) seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, budaya kreatif, berinovasi dan keusahawanan tidak diterapkan dalam diri pelajar untuk membolehkan para pelajar membuat persediaan bagi menghadapi cabaran sebenar selepas menamatkan pengajian di IPTA nanti. Garapan elemen tadi akan dapat melahirkan modal insan yang bersepadu dan dinamik serta mampu memberikan sumbangan kepada kemajuan negara pada masa hadapan.

7.2. *Politeknik dan Kursus Pengajian Umum*

Sistem Pendidikan yang berkualiti mampu melahirkan tenaga kerja yang boleh menjadi “global player” dengan ciri-ciri peribadi unggul seperti sifat jati diri yang tinggi, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing, berdaya tahan, dan kreatif bagi menangani cabaran negara dan arus globalisasi. Sistem pendidikan yang berkualiti akan dapat menyumbang ke arah memenuhi hasrat kerajaan untuk mewujudkan budaya pembelajaran sepanjang hayat. Selaras dengan peningkatan untuk lebih berdaya saing, Politeknik telah menetapkan visi dan misi serta objektif kualiti yang perlu dicapai.

Kejayaan pembangunan Politeknik Malaysia bergantung kepada modal insan (tenaga manusia) yang berkemahiran tinggi serta mempunyai sahsiah yang tinggi. Jika tidak, akan terbantutlah usaha pembangunan negara dan tidak dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Oleh itu, hasrat untuk merealisasikan Politeknik yang berjaya melahirkan tenaga separa mahir profesional bergantung kepada beberapa faktor lain seperti tenaga kerja yang berkebolehan, berkemahiran tinggi serta mempunyai sahsiah yang terpuji. Tanpanya akan membantutkan usaha-usaha kerajaan untuk menjadi negara maju dan bersaing pada peringkat antarabangsa disamping melahirkan tenaga kerja yang tidak berkualiti. (Alias 1999).

Dalam usaha membentuk tenaga kerja yang bersahsiah tinggi ini, kurikulum Pengajian Umum Politeknik perlu dirancang dan dibangunkan dengan sistematik serta berkesan. Kurikulum yang dibangunkan perlulah selaras dengan kehendak semasa lebih-lebih lagi bertepatan dengan kehendak wawasan negara. Politeknik sebagai sebuah institusi di bawah KPT yang diawasi dan dipantau perjalanannya termasuklah IPT Awam dan IPT Swasta. Visi, misi dan matlamat institusi-institusi ini digariskan bagi memenuhi aspirasi dan dasar negara.

Satu kajian mengenai pelaksanaan kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) telah dilaksanakan oleh kumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). (Laporan Sesi Pembentangan Akhir Kajian Pelaksanaan Kursus Pengajian Umum Kepada YB Menteri Pengajian Tinggi, Bahagian Governan IPTS, JPT, 22 Oktober 2012.) Kajian ini bertujuan mengkaji tahap pelaksanaan MPW kepada pelajar Malaysia dan penstrukturan kursus MPW kepada pelajar antarabangsa di IPT Swasta supaya lebih menarik dan diterima oleh para pelajar.

Hasilnya Kursus Pengajian Umum (KPU) diperkenalkan bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan, perluasan inovasi dan kajian serta usaha peningkatan nilai patriotisme dalam kalangan lulusan. KPU yang diperkenalkan adalah bagi memenuhi aspirasi negara iaitu ke arah Pembinaan Negara Bangsa, Penguasaan dan Peluasan Kemahiran Insaniah, Penguatan dan Peluasan Pengetahuan di Malaysia dan Pengaplikasian Kemahiran Insaniah.

KPU yang diperkenalkan dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu; Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah (U1) menekankan kepada penghayatan falsafah, nilai dan sejarah dijadikan dasar KPT yang diwajibkan kepada semua pelajar IPT mengikutinya. Kursus kumpulan penguasaan kemahiran insaniah (U2), perluasan ilmu pengetahuan (U3), dan Kemahiran pengurusan masyarakat (U4) adalah bebas mengikut institusi tetapi perlu merujuk kepada KPT terlebih dahulu bagi memastikan pengkategorian adalah bersesuaian dan memenuhi piawaian kualiti MQA.

Kursus KPU dijadikan syarat bergraduat kepada semua pelajar dan diwajibkan lulus. Antara kursus yang ditawarkan ialah kursus Hubungan Etnik, Kenegaraan dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Berikutannya YBM memutuskan bahawa penawaran dan pelaksanaan Kursus Pengajian Umum diselaraskan kepada semua IPT dalam negara, termasuk IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti. Mata Pelajaran Pengajian Umum adalah berteraskan cabang Falsafah Ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian Kemanusiaan, Sains Tulen dan Sains Sosial. Ia akan membolehkan pelajar daripada disiplin dalam bidang Kemanusiaan, Sains Tulen dan Sains Sosial untuk menguasai isi kandungan Mata Pelajaran Pengajian Umum.

8. Isu Dan Cabaran Dalam Pelaksanaan Pengajian Umum Dalam Melahirkan Modal Insan

Pembangunan modal insan merupakan salah satu teras yang menjadi tumpuan pembangunan negara. IPT merupakan antara institusi utama yang telah diamanahkan untuk memainkan peranan bagi memenuhi tanggungjawab tersebut. Pelbagai inisiatif perlu diambil untuk memastikan IPT mampu untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan mempunyai personaliti yang unggul selari dengan keperluan pembangunan modal insan. Proses pembentukan sahsiah ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti ciri-ciri biologi yang diwarisi, persekitaran fizikal dan budaya (Siti fatimah, 1993:5).

Begitu juga, menurut Ee Ah Meng (1997:136) yang menyatakan proses membentuk sahsiah adalah dipengaruhi oleh baka dan keturunan dalam (Mohd ismail Mustari 2007:113). Apa yang menjadi kebimbangan di sini kurangnya ciri-ciri modal insan di kalangan mahasiswa IPT Awam mahupun Swasta. Mahasiswa merupakan golongan terpelajar dan berpendidikan tinggi yang bakal mengambil alih tampuk pimpinan negara. Tambahan pula sebagai pelajar fakulti pendidikan yang akan mengajar anak bangsa dan akan menjadi role-model kepada anak murid perlu menjadi insan berkualiti terlebih dahulu sebelum mendidik anak bangsa menjadi insan berkualiti.

8.1. *Isu Perkaitan antara Modal Insan dengan Keperluan Pasaran Kerja Era Global*

Dalam soal ini, ternyata pendekatan IPT Awam Malaysia lebih advance apabila kajian ilmiah dilakukan bagi mengetahui kehendak pasaran sektor awam dan swasta bagi graduan sesuatu IPT. Ianya membabitkan beberapa perkara yang utama; pertama, isu etika dalam dunia kerjaya. Kedua, ciri-ciri kemahiran hard skill dan soft skill yang marketable dan sangat diperlukan oleh sektor kerjaya. Ketiga, isu peluang dan bidang kerjaya yang boleh dipilih untuk seseorang graduan. Keempat, isu kelemahan yang dimiliki oleh seseorang graduan yang menyebabkan mereka gagal mendapatkan peluang pekerjaan yang sesuai. Kelima, elemen luaran dan sosiologi masyarakat yang mempengaruhi bentuk kerjaya yang diceburi oleh graduan IPT. Secara jelas, pendekatan proaktif ini secara langsung dapat membantu IPT menyemak dan merangka program penyediaan tenaga kerja yang berkesan untuk graduan IPT terbabit.

8.2. *Isu Berkaitan Pembangunan Modal Insan dengan Ajaran Islam*

Memang tidak dapat dinafikan terdapat sebahagian para pemikir pentadbir IPTA di Malaysia mengupas isu yang mengaitkan Kemahiran Insaniah dan juga modal insan dengan ajaran Islam, tetapi ianya dibuat dalam bentuk yang agak minimum dan rata-ratanya tidak mengaitkan isu modal insan ini secara langsung dengan prinsip Islam. Seperti mana diperincikan oleh Azyumardi Azra tentang sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang intelektual Muslim iaitu prihatin dengan realiti semasa membabitkan kemunduran anggota masyarakat yang dianggap sebagai tanggungjawab bersama bagi semua lapisan masyarakat. Dalam hal ini, pelulah dilihat kepada kepentingan penganalisan akal yang kritis dan membina dalam usaha meneliti sesuatu masalah.

Modal insan yang ingin dilahirkan mestilah juga mementingkan pergantungan kepada hidayah, inayah dan pertunjuk agama dalam kehidupan seharian individu itu sendiri. Mereka perlu mengamalkan keteguhan pendirian dan menjadi seorang yang intelektual dan tidak mudah lalai serta leka dengan perkembangan positif yang telah dicapai daripada ajaran Islam dan akhlak Islam. Selain itu, keperluan untuk menjalinkan hubungan antara Allah, manusia dan alam khususnya keprihatinan terhadap nasib umat Islam lain di seluruh dunia, termasuklah prihatin dengan perkembangan dialog peradaban yang menyaksikan kelemahan tamadun barat sebagai akibat daripada fahaman sekularisme yang menjemput pelbagai masalah yang kronik kepada masyarakat dan alam sekitar.

Bahkan, keperluan untuk mengamalkan budaya ilmu yang positif membabitkan kesemua jenis ilmu pengetahuan yang berguna kepada diri dan masyarakat sering dikesampingkan. Dalam usaha memperluaskan diri dengan segala bentuk ilmu dunia dan akhirat ataupun menjalankan sepenuhnya budaya ilmu dalam kehidupan terbuka dengan pendapat dan ilmu asing secara bertapis, mementingkan pendekatan yang mencari punca dan mencadangkan jalan penyelesaian masalah secara mikro, berusaha melakukan kajian dan mencuba model penyelesaian masalah yang difikirkan perlu, berusaha memantau keberkesanan cara penyelesaian masalah yang dikemukakan berusaha menjalin dan menghidupkan jalinan ummah Islam sedunia yang lebih sesuai dalam konteks zaman moden. (Muhammad Rahimi, 2010)

8.3. *Isu Berkaitan Pembangunan Modal Insan dengan Pembangunan Negara*

Kebolehpasaran graduan sudah menjadi isu nasional berikutan meningkatnya aliran pengangguran siswazah khususnya setiap kali berlakunya kemelesetan ekonomi. Menurut kenyataan Bank Negara Malaysia (2003) faktor utama mempengaruhi kebolehdapatan pekerjaan graduan adalah satu kepadatan kemahiran yang dimiliki graduan dengan keperluan industri. Penjana modal insan bukan hanya membentuk tenaga kerja yang berilmu dan berfikiran strategik tetapi juga melahirkan sumber manusia yang sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran dalam erti kata yang lain individu yang memiliki kemahiran yang bersesuaian perlu diamalkan untuk menghadapi cabaran semasa nilai-nilai seperti integriti, komitmen, dan kejujuran supaya graduan mampu menguasai ilmu yang membolehkan mereka menjadi lebih kompetitif (Nik Mustapha, 2007).

Isu siswazah menganggur yang sering diperkatakan kebelakangan ini dapat diatasi dan diselesaikan dengan menyediakan kurikulum pengajian yang selaras dengan keperluan semasa supaya menepati kriteria dan standard yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) mahupun pengiktirafan antarabangsa. Pelaksanaan pembekajaran berdasarkan hasil (OBE) yang memerlukan perubahan fokus dari sistem tradisi yang bertumpu kepada kurikulum kepada sistem pembelajaran yang memberi tumpuan kepada pelajar bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan melalui kurikulum, kaedah penyampaian dan kaedah penilaian. Dalam hal ini, KPT telah menetapkan 8 domain hasil pembelajaran antaranya kemahiran praktikal, nilai, sikap dan keprofesionalisan, penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik serta kemahiran mengurus dan keusahawanan bukan sahaja merangkumi kemahiran bidang teras tetapi merangkumi pelbagai aspek kemahiran insaniah (soft skills) yang diperlukan oleh pihak majikan dan industri. (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006).

9. **Sejauh Manakah Kursus Pengajian Umum Menjadi Pelengkap Kepada Pembinaan Modal Insan Yang Unggul**

Graduan-graduan yang lahir dari IPTA pada hari ini merupakan aset terpenting negara pada masa akan datang kerana pada bahu merekalah akan tergalas segala tanggungjawab bagi meneruskan lagi pembangunan negara di samping membentuk kemajuan dari segenap aspek termasuk ekonomi, sosial dan politik. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuklah ilmu sains, teknologi dan keusahawanan dan juga pembudayaan sikap yang progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi dan inilah dinamakan modal insan berminda kelas pertama.

Modal insan yang unggul mampu mencorak hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan iaitu Wawasan 2020 kerana tanpa sumber manusia yang berkualiti sesebuah negara akan lemah kerana faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonominya telah tiada. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar UPM mempunyai pandangan yang sangat tinggi dan positif terhadap keberkesanan kursus pengajian umum dalam pembentukan pelbagai kemahiran mereka. Menurut mereka kemahiran utama yang dibentuk melalui kursus-kursus umum adalah kemahiran berbahasa selain bahasa ibunda mereka, kemahiran dalam menguruskan maklumat, kemahiran berkomunikasi secara kreatif, kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran bekerja secara berkumpulan.

Pelajar UPM juga beranggapan bahawa kursus umum berjaya memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri serta berupaya mempertingkatkan keterampilan keintelektualan mereka. Kursus umum menurut pelajar UNITEN pula berjaya menambahkan keyakinan diri untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pelajar dan berjaya mencetuskan idea-idea baharu. Hasil analisis menunjukkan bahawa lebih 90 peratus responden di UNITEN bersetuju bahawa kursus umum di IPT berkesan dalam membentuk kemahiran, sikap dan pengetahuan mereka.

Penubuhan Sekretariat TITAS di peringkat KPT adalah merupakan satu platform terbaik untuk meletakkan bidang ini selarian dengan arus perdana pendidikan semasa. Bagi sesebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia pula, ditambah pula dengan masyarakat yang berbilang kaum dan agama, satu bidang pengajian yang dapat membangkitkan kesedaran tentang persekitaran, sejarah dan latar belakang masyarakat dan negara amat diperlukan. (Zaid Ahmad, Sri Rahayu Ismail, Ahmad Tarmizi Talib, 2010). Pengajian umum adalah satu bidang yang memberikan perspektif dan ufuk yang lebih luas tentang pembangunan dan kelangsungan peradaban dan tamadun adalah kursus-kursus yang berada dalam kategori umum ini. Oleh yang demikian, kursus pengajian umum perlulah diperkasakan dan diletakkan pada arus perkembangan akademik semasa agar modal insan yang unggul dapat dilahirkan dengan sebaiknya.

10. **Cadangan Kepada Penambahbaikan Pelaksanaan Kursus Pengajian Umum**

Berdasarkan kepada kepentingan pengajian umum di IPTA dan Politeknik, sewajarnya kursus-kursus berbentuk umum ini perlu diteruskan bagi menjamin dan melahirkan modal insan yang unggul dalam kalangan lepasan politeknik dan juga universiti sama ada awam mahupun swasta. Kursus pengajian umum tidak boleh terus diketepikan dan dikesampingkan begitu sahaja kerana kursus ini secara tidak langsung banyak membina kemahiran diri pelajar, membina keyakinan diri pelajar, membina potensi diri seseorang individu untuk berdaya maju dan berdaya saing di peringkat antarabangsa seterusnya kebolehpasaran graduan dan kebolehdapatan pekerjaan dalam kalangan pelajar dapat dihasilkan.

Antara cadangan bagi penambahbaikan kursus pengajian umum di IPT dan di Politeknik adalah pihak IPTA dan Politeknik perlulah menjalinkan kerjasama yang erat dengan pihak industri bagi menerapkan kemahiran-kemahiran sahsiah kepada bakal graduan. Sebagai contoh, sepatutnya graduan yang menjalani praktikum atau latihan industri diberi peluang untuk menonjolkan bakat mereka dalam pelbagai urusan yang berkaitan dengan bidang mereka yang bakal diceburi nanti bukan melaksanakan tugas menjawab panggilan telefon, mengemas fail-fail yang ada tetapi perlu diberi peluang untuk melaksanakan tugas-tugas lain seperti membuat kertas kerja dan diberikan kepercayaan oleh majikan untuk mengendalikan sesuatu program.

Selain itu, pihak IPTA juga perlulah melakukan kajian terperinci mengenai kemahiran yang diperlukan, pengkhususan serta perancangan masa hadapan dengan menjalinkan kerjasama bersama pihak industri dengan lebih erat lagi bukan sekadar teori sahaja. Sebagai contoh, dengan menyediakan sistem penilaian yang berterusan terhadap graduan yang baru sahaja memasuki pasaran kerja dapat memberi pandangan kepada pihak IPTA sejauh manakah graduan yang baru menempatkan diri di industri mereka ini dapat menjalankan tugas dengan berkesan dan sebaiknya atau belajar bekerja dengan baik dalam bidang yang mereka ceburi.

Tindakan seterusnya perlu diambil oleh para penggubal kurikulum bagi merangka satu kurikulum baharu melalui maklumat daripada kajian yang telah dilaksanakan itu. Kajian yang melibatkan pihak industri serta penggubal kurikulum sewajarnya mengambil penekanan yang tepat tentang ciri-ciri seperti berkomunikasi dengan baik, kemahiran berkomunikasi secara interpersonal, komunikasi berkesan, kemahiran pengucapan awam, kemahiran menyelesaikan masalah dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris bagi graduan yang akan memasuki pasaran kerja. Dalam hal ini, dilihat Politeknik telah menjumudkan kursus Pendidikan Islam, Kursus Bahasa Arab dan juga kursus Pendidikan Moral.

Cadangan lain adalah kurikulum yang ditawarkan IPTA sewajarnya memasukkan elemen-elemen berfikir secara kritis dan kreatif bagi menyediakan graduan yang berdaya saing dari sudut intelektual yang mampu memacu ke arah pembentukan modal insan yang cemerlang. Oleh yang demikian, graduan itu tentunya dapat berfikir dengan logik mengikut keadaan semasa, contoh pasaran kerja yang tidak menentu sepatutnya membuka minda graduan untuk menceburi bidang baru atau mencari peluang dalam aktiviti pertanian, keusahawanan dan sebagainya daripada yang mengharapakan makan gaji semata-mata.

11. Penutup

Kesimpulannya, kursus pengajian umum atau mata pelajaran umum di Politeknik tidak boleh dijadikan sebagai satu program sampingan atau tidak dipentingkan dalam sistem pendidikan sebaliknya kursus ini perlu dilihat sebagai satu kursus yang perlu dilaksanakan secara serius dan berterusan bukan kursus yang dikesampingkan dan kursus yang dijumudkan. Sokongan dari semua pihak perlu untuk memastikan kursus pengajian umum dan mata pelajaran umum di Politeknik terus dapat dilaksanakan dengan jayanya. Hal ini kerana, melalui kursus-kursus yang ditawarkan ini mampu melahirkan dan menghasilkan bakal-bakal pemimpin yang berintegriti dan berakauntabiliti pada masa hadapan. Justeru, agenda pembangunan modal insan ini perlulah diutamakan dalam proses pembangunan negara dan dalam hal ini, perkara ini dapat disemai dan dipupuk dalam kursus-kursus pengajian umum di univesiti mahupun di Politeknik. Sebenarnya dalam mengurus perdanakan bidang ini adalah satu tugas besar yang perlu diberi keutamaan dan dipikul dengan penuh iltizam dan penuh keyakinan agar modal insan yang unggul dan cemerlang dapat direalisasikan.

Rujukan

- Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Ruhizan Mohammad Yassin. 2011. Kajian Kerelevanan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dengan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education* Vol. 3, No.2, 60-70.
- Baharom Mahammad dan Mohamad Johdi Salleh. 2009. Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara. Prosiding "Seminar Pembangunan Modal Insan 2009", Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pada 23-24 Mac 2009 bertempat di Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengakalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.
- Jabatan Pengajian Politeknik. 2014. Curriculum Information Document Online System. url: <http://www.cidos.edu.my/>
- Jabatan Pengajian Politeknik. 2013. Informasi Politeknik Edisi Oktober 2013. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pengajian Tinggi. 2013. Silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pengajian Politeknik. 2007. Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Khairul Azam Bahari, Zainab Othman, Che Anuar Che Abdullah, Mohd Zahuri Khairani dan Syed Ismail Syed Mohamad. 2006. JHEPA: Ke Arah Pembangunan Modal Insan. Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UPSI.

- Muhammad Rahimi Osman. 2010. Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM. *MALIM - SEA Journal of General Studies*. Vol. 11 hlmn. 49 - 71.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 2006. Islam dan Pengurusan Organisasi. Institut Kefahaman Islam Malaysia dalam <http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>
- Nohaini Bakri, Noor Zainab Razak, Hamidah Rahman, Ishak Mad Shah, Roziana Shaari dan Fadillah Zaini. 2006. Persepsi Pensyarah Terhadap Persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Umum Universiti di UTM, Skudai. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum 2006*. hlm. 558 – 562.
- Siti Rashidah Abdul Razak, Rosfazila Abdul Rahman, Ayu Nor Azilah Mohamad, Zetty Nurzuliana Rashed. 2008. Membentuk Modal Insan Melalui Pendidikan: Satu Analisis Terhadap Kurikulum Umum di IPT. *Prosiding PERKEM II, Jilid 1*. hlm. 342 -349.
- Tajul Arifin Nordin, Roslee Ahmad, Rahimawati Abdul Rahim. 2006. Membina Pelajar Cemerlang Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, Munirah Mustaffa. 2014. Pelaksanaan Kursus Pengajian Umum Berteraskan Pendidikan Islam dalam Pembinaan Modal Insan: Pengalaman Politeknik. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014)*.
- Yusni Mohamad Yusak dan Zainab Hanina Abdull Samad. 2013. Hala Tuju Kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia: Satu Dapatan Awal. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education ISQAE 2013. *Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Zarina Muhammad, Jayum Jawan, Zaid Ahmad & Normala Othman. 2010. Kesan Penawaran Kursus Umum Universiti ke atas Pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. *MALIM - SEA Journal of General Studies*. Vol. 11 hlmn. 71 - 89.
- Zaid Ahmad, Sri Rahayu Ismail & Ahmad Tarmizi Talib. 2010. Pengajian Umum: Pengalaman Universiti Putra Malaysia. *MALIM - SEA Journal of General Studies*. Vol. 11 hlmn. 131 -145.